

Populariti Calon Bukan Jaminan Tawan Hati Penduduk Kuala Besut - Idris Bernama
1 Julai, 2013

BESUT, 1 Julai (Bernama) -- Populariti calon bukan satu jaminan atau kelebihan untuk menawan hati pengundi pada pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut, kata Ketua Umno Bahagian Besut Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata pengundi di kawasan itu tidak mudah termakan dakyah dan menyokong calon sembarangan yang tidak dikenali secara dekat.

"Pengundi di Kuala Besut yang majoritinya nelayan telah saya kenali sejak bertahun lamanya ketika menjadi wakil rakyat dan mereka mempunyai prinsip sendiri dalam soal menentukan wakil rakyat mereka," katanya kepada Bernama di sini Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan beberapa media cetak mengenai ura-ura pembangkang meletakkan pendakwah bebas terkenal Ustaz Azhar Idrus (UAI) sebagai calon PAS pada pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil DUN Kuala Besut bakal diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr A. Rahman Mokhtar Rabu lepas akibat kanser paru-paru.

Idris yang juga Menteri Pendidikan II berkata jika penduduk Kuala Besut tidak memilih calon Barisan Nasional (BN), segala rancangan yang diatur sebelum ini tidak akan dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Sementara itu, beliau berkata Umno bahagian Besut akan menyenaraikan nama tokoh-tokoh anak tempatan termasuk pentadbir agama, pendidik, pegawai tadbir dan bekas pegawai kanan kerajaan kepada Pengerusi BN untuk dicalonkan pada pilihan raya kecil itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=960010>